

Bah di Perak, Johor pulih

Mangsa dibenar pulang ke rumah



PENDUDUK terpaksa menggunakan jalan yang berselerak dengan daun kelapa sawit yang hanyut dibawa air bah selepas keadaan banjir semakin pulih.

Oleh Nurhayati Abillah, Mohamed Farid Noh dan Asrol Awang
bhnews@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Banjir di Perak dan Johor kian pulih manakala penduduk tiga kampung di dua daerah di Pahang masih ditempatkan di pusat pemindahan selepas penempatan mereka digenangi air hingga paras satu meter.

Banjir juga menenggelamkan 3,000 hektar ladang sawit hingga mencecah paras pucuk atau tiga meter di Kahang, dekat Kluang, sejak beberapa kawasan di Johor dilanda banjir, Ahad lalu.

Di IPOH, banjir di Perak makin pulih dengan pusat pemindahan banjir di Sekolah Agama Rakyat

(SAR) Kampung Padang Serai, Manjung, kira-kira 80 kilometer di sini, ditutup kira-kira jam 4 petang kelmarin.

Pusat pemindahan itu yang dibuka lebih dua minggu lalu, ditutup dengan semua 30 mangsa daripada tujuh keluarga dibenarkan pulang sejak pagi kelmarin.

Setiausaha Keselamatan Negeri Perak, Majlis Keselamatan Negara (MKN), Jasimi Zainol Abidin, berkata pihaknya meramal banjir akan berakhir berikutan taburan hujan yang makin berkurangan.

"Bagaimanapun, kita sentiasa bersiap sedia menghadapi kemungkinan jika banjir berulang.

"Ketika ini, semua pusat pemindahan banjir dan operasi di seluruh negeri ditutup termasuk yang ter-



PASUKAN penyelamat mengharungi banjir di ladang kelapa sawit berhampiran perkampungan Orang Asli di Kluang yang terjejas teruk.

akhir iaitu di Kampung Padang Serai. Sepanjang tahun ini, penduduk di kampung terbabit terpaksa dipindahkan tiga kali akibat banjir," katanya ditemui selepas program Asyura 1Malaysia anjuran MKN Perak di sini, semalam.

Majlis itu dirasmikan Menteri Besar, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir.

Di KUANTAN, 77 mangsa daripada 21 keluarga dari tiga kampung di Rompin dan Maran dipindahkan berikutan rumah mereka dinaiki air sehingga satu meter, kelmarin.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pahang berkata, sehingga jam 5 petang, 48 mangsa daripada 11 keluarga dari Kampung Luit Seri Jaya dipindahkan ke Balai Raya Kampung Luit, Maran.

"Manakala 20 orang daripada enam keluarga dari Kampung Kurnia berpindah ke Dewan Teluk Gading, Rompin. Empat lagi keluarga seramai sembilan orang dari Kampung Rekoh ditempatkan di pusat pemindahan Balai Raya Kampung Rekoh, sejak awal pagi semalam," katanya di sini, semalam.

Jurucakap itu berkata, 176 mangsa daripada 35 keluarga di Kampung Paya Chedong, Maran yang sebelum ini ditempatkan ke Pusat Perpaduan Rukun Tetangga sudah

dibenarkan pulang, awal pagi semalam.

Di KLUANG, banjir di daerah ini makin pulih dengan semua pusat pemindahan sementara ditutup mulai petang semalam.

Pegawai Daerah Kluang, Abdul Karim Abu Bakar, berkata banjir di daerah ini terkawal walaupun hujan lebat mulai semalam.

Sementara itu, tinjauan Berita Harian di Kampung Palembang Baru dan Kampung Palembang Lama di sini, mendapati air Sungai Mengkibol mulai surut membolehkan penduduk pulang membersihkan rumah.

Seorang penduduk Kampung Palembang Baru, Isih Ahmad, 53, ketika ditemui berkata, sejak awal tahun ini, rumahnya dinaiki air sebanyak tiga kali.

"Banjir kali ini tidaklah seteruk 2006. Ketika itu, rumah saya tenggelam hingga bumbung," katanya.

Sementara itu, tinjauan Berita Harian mendapati, tujuh ladang di Kahang, digenangi air iaitu Ladang Enggang seluas 836 hektar; Ladang Tereh Utara (771 hektar); Ladang Mutiara (518 hektar); Ladang Selai (297 hektar); Ladang Sungai Tawing (298 hektar); Ladang Tereh Selatan (254 hektar) dan Ladang Sungai Sembrong (144 hektar).

Air Sungai Kahang mencatat paras bahaya iaitu melonjak lapan meter, Isnin lalu, hingga melimpah. Keadaan ini menyebabkan laluan keluar masuk penduduk di tiga perkampungan Orang Asli dan 16 ladang sawit, di sini terputus dengan tidak boleh dilalui semua kenderaan kecuali bot.



● SHAHRUL M ZAIN | BERITA HARIAN

PENDUDUK yang terjejas akibat banjir pulang ke rumah masing-masing untuk membersihkan kediaman mereka selepas keadaan banjir semakin pulih di sekitar Kluang, semalam.



Ikuti penge- mencabar k- terbesar di